


TARIKH	20 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	34	RUANGAN	setempat



LIOW (tiga dari kanan) menerima mesin hemodialisis daripada Abi Musa Asa'ari (dua dari kiri).

Hemodialisis di 800 klinik

Kementerian Kesihatan permudahkan pesakit buah pinggang dapat rawatan

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my
Putrajaya

Mulai tahun ini, perkhidmatan hemodialisis akan diperluaskan ke 800 klinik kesihatan seluruh negara secara berperingkat bagi membolehkan pesakit buah pinggang mendapat rawatan dengan lebih mudah dan dekat terutama di kawasan luar bandar.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, perkhidmatan itu sudah dimulakan di klinik kesihatan Simpang Renggam, Johor yang beroperasi bulan lalu manakala satu lagi akan dibuka di Kodiang, Kedah akhir bulan ini.

Katanya, buat permulaan

klinik kesihatan yang berdekatan dengan hospital akan diberi keutamaan menyediakan perkhidmatan hemodialisis bagi memudahkan doktor dan pakar bertugas.

"Ini dasar baru dan kami akan memohon peruntukan tambahan Kementerian Kewangan bagi memastikan kita dapat memberi perkhidmatan lebih meluas kepada pesakit buah pinggang sama ada di luar bandar atau bandar.

"Kami belum dapat pastikan sasaran klinik yang akan menyediakan perkhidmatan ini kerana ia bergantung kepada peruntukan tambahan diberikan kerajaan kelak kerana bajet sedia ada tidak cukup untuk memperluaskan perkhidmatan ini," katanya pada si-

dang media selepas Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis sumbangan Tabung Haji (TH) kepada Kementerian Kesihatan di Hospital Putrajaya (HPj), di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi TH Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Ismee Ismail.

Ditanya sama ada perkhidmatan itu akan disediakan di Klinik 1Malaysia, beliau berkata, ia tidak sesuai kerana klinik 1Malaysia terlalu kecil dan hemodialisis memerlukan bilik pengasingan daripada pesakit hepatitis B, C dan HIV.

"Apabila kawasan terlalu kecil memang tidak muat, kita perlukan klinik kesihatan lebih besar dan ada ruang, pada masa sama perkhidmatan ini juga memerlukan doktor dan pakar untuk mengawasi pesakit," katanya.